

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM
[JULAU]
TARIKH : 29 OKTOBER 2015
SOALAN :

YB Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendirian Kementerian berkenaan air alkali, misalnya *Kangen Water* yang sekarang membanjiri pasaran dan piawaian yang boleh diguna pakai.

Tuan Yang Di-Pertua,

Produk air minuman berbungkus dan air dari mesin jual air yang dijual di pasaran hendaklah mematuhi Jadual Kedua Puluh Lima, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 di mana julat pH yang dibenarkan adalah 6.5 hingga 8.5. Sekiranya air minuman beralkali yang dihasilkan dalam julat tersebut, ianya adalah mematuhi peraturan sebagaimana yang dinyatakan.

Untuk makluman, produk air minuman berbungkus dan air dari mesin jual air termasuklah *Kangen Water* yang dijual di pasaran tanpa lesen dan mempunyai nilai pH melebihi standard yang dibenarkan adalah menyalahi peruntukan perundangan di bawah Peraturan 360B dan 360C, Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Selain itu, tuntutan kesihatan tidak dibenarkan dalam pengiklanan produk air minuman beralkali (termasuklah dalam bentuk risalah) kerana menyalahi peruntukan di bawah Seksyen 17, Akta Makanan 1983 dan Peraturan 18(6)(d), Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Justeru, tindakan penguatkuasaan sedang diambil oleh KKM berdasarkan peruntukan perundangan tersebut.

Sehubungan itu, air minuman beralkali (termasuklah *Kangen Water*) boleh dipasarkan di Malaysia dengan syarat mendapat kelulusan lesen daripada Kementerian ini dan tiada tuntutan kesihatan dinyatakan pada label produk, mesin atau risalah yang digunakan bagi tujuan pengiklanan.